

TEMA 6

Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. (ARAS 1)

- | | |
|---|---|
| <p>1 Seseorang yang mempunyai integriti akan _____ segala jenis usaha yang mampu meruntuhkan nilai murni yang dipraktikkannya.</p> <p>A menarik C membendung
B menolak D membangunkan</p> | <p>3 Dengan _____ pegawai sesuatu barangan bernilai untuk membantu memudahkan sesuatu urusan, seseorang itu boleh dituduh mengamalkan rasuah.</p> <p>A menghulur C menghulurkan
B menghadiahi D menghadiahkan</p> |
| <p>2 Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi _____ integriti dalam diri masyarakat.</p> <p>A menyampaikan
B menyelesaikan
C membentuk
D membina</p> | <p>4 Seseorang pemimpin perlulah sentiasa _____ tugasnya berbanding dengan kepentingan peribadi.</p> <p>A membelakangkan
B mendahulukan
C mendepankan
D mengenali</p> |

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. (ARAS 1)

- Penguatkuasaan yang longgar terhadap undang-undang menyebabkan pelaku rasuah tidak gentar mengulangkan kesalahannya.

- Pelantikan Ahmad sebagai ketua pengawas menyokong sebulat suara oleh guru-guru memandangkan dia seorang yang komited terhadap tugas.

- Ah Chong serahkan diri kepada pihak polis dengan mengaku kesilapan yang telah dilakukannya semasa menguruskan projek itu.

- Sesebuah negara akan mencapai kemajuan apabila kadar rasuah di negara tersebut menurunkan.

- Aiman dijatuhi hukuman 10 tahun penjara dan denda RM30 000.00 setelah didapati bersalah menerima rasuah ketika menguruskan siasatan kes itu.
